Universiti Teknologi Malaysia
81310 Johor Bahru
Johor, Malaysia
Tel: +607-533 3333

Ruj. Kami : UTM.J.08.01/10.12/21 Jld. 5 (17)
Tarikh : 30 Oktober 2026 / 19 Jamadilawal 1448H

Semua Dekan Fakulti
Semua Pensyarah
Semua Pelajar
Universiti Teknologi Malaysia

YBrs. Prof./ Prof. Madya Dr./ Dr./ Tuan/ Puan/ Saudara/ Saudari,

PEMAKLUMAN PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P) SEMPENA SAMBUTAN DEEPAVALI TAHUN 2026

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa bersempena dengan sambutan Deepavali, cuti rasmi adalah pada 7 dan 8 November 2026 (Sabtu dan Ahad), diikuti cuti gantian pada 9 November 2026 (Isnin).

3. Sehubungan itu, bagi memberikan fleksibiliti dan kemudahan kepada pelajar yang ingin pulang ke kampung halaman masing-masing, pihak Universiti telah menetapkan bahawa aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) pada 6 November 2026 (Jumaat) dan 10 November 2026 (Selasa) boleh dilaksanakan secara dalam talian atau hibrid, tertakluk kepada penyelarasan pihak fakulti dan pensyarah kursus masing-masing. Pelaksanaan P&P secara bersemuka akan diteruskan seperti biasa mulai 11 November 2026 (Rabu).

4. Walau bagaimanapun, semua pelajar beragama Hindu diberikan pengecualian daripada menghadiri kuliah dan menduduki ujian bagi tempoh 9 hingga 13 November 2026 (Isnin hingga Jumaat) bagi membolehkan mereka melaksanakan upacara dan amalan keagamaan sepanjang tempoh tersebut. Pelajar yang terlibat hendaklah diberikan peluang untuk menduduki ujian gantian sekiranya terdapat ujian yang dijadualkan dalam tempoh berkenaan, tertakluk kepada penyelarasan bersama pensyarah kursus.

5. Kerjasama semua Dekan, pensyarah dan pelajar dalam memastikan kelancaran pelaksanaan P&P serta memberikan pertimbangan sewajarnya kepada pelajar yang meraikan Deepavali amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH"

Saya yang menjalankan amanah,

(PROF. TS. DR. INTAN ZAURAH BINTI MAT DARUS)
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Teknologi Malaysia

s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
- Pendaftar UTM
- Ketua Kampus UTM Cawangan Kuala Lumpur
- Ketua Kampus UTM Cawangan Pagoh
- Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah - Naib Canselor
- Semua Dekan Fakulti
- Pengarah-Pengarah Berkaitan

Universiti Teknologi Malaysia
81310 Johor Bahru
Johor, Malaysia
Tel: +607-533 3333

Our Ref.: UTM.J.08.01/10.12/21 Jld. 5 (17)
Date: 30th October 2026

All Faculty Deans
All Academic Staff
All Students
Universiti Teknologi Malaysia

Dear Prof./ Assoc. Prof./ Dr./ Sir/ Madam/ Students,

NOTIFICATION ON THE IMPLEMENTATION OF TEACHING AND LEARNING (T&L) ACTIVITIES IN CONJUNCTION WITH DEEPAVALI 2026

With reference to the above matter.

2. Please be informed that, in conjunction with the Deepavali celebration, the official holidays will fall on 7 and 8 November 2026 (Saturday and Sunday), followed by a replacement public holiday on 9 November 2026 (Monday).

3. Accordingly, to provide flexibility and accommodate students who wish to travel to their respective hometowns, the University has decided that Teaching and Learning (T&L) activities on 6 November 2026 (Friday) and 10 November 2026 (Tuesday) will be conducted online or in hybrid mode, subject to coordination by the respective faculties and lecturers. Regular face-to-face T&L activities will resume on 11 November 2026 (Wednesday).

4. Nevertheless, all Hindu students will be granted exemption from attending lectures and sitting for tests from 9 to 13 November 2026 (Monday to Friday) to allow them to observe their religious prayers and practices throughout the period. Students affected by scheduled tests during this period shall be given the opportunity to sit for replacement tests, subject to arrangements with their respective course lecturers.

5. The cooperation of all Faculty Deans, lecturers and students in ensuring the smooth implementation of T&L activities and extending due consideration to students celebrating Deepavali is greatly appreciated.

Thank you.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

I, who uphold trust,

(PROF. TS. DR. INTAN ZAURAH BINTI MAT DARUS)
Deputy Vice-Chancellor (Academic and International)
Universiti Teknologi Malaysia

c.c.
- Vice-Chancellor
- Deputy Vice-Chancellor (Research and Innovation)
- Deputy Vice-Chancellor (Student Affairs and Alumni)
- Deputy Vice-Chancellor (Development)
- Registrar, UTM
- Campus Director, UTM Kuala Lumpur
- Campus Director, UTM Pagoh
- Senior Officers/Deans/Directors – Office of the Vice-Chancellor
- All Faculty Deans
- Relevant Directors